A

**PP**

**lwn.**

**JAAFAR GHAZALI & YANG LAIN**

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, SHAH ALAM
ASMABI MOHAMAD PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 45-67 & 68-2007]
26 OGOS 2010

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a) - Pengedaran - Mengedar 12,130 gram cannabis - Sama ada intipati penjualan dadah dibuktikan - Sama ada penyerahan sebenar dadah dibuktikan - Penangkapan awal tertuduh - Sama ada terdapat keraguan dalam rantaian transaksi jual beli - Sama ada*
D *terdapat penyerahan sebenar dadah kepada pembeli - Sama ada pemilikan kereta di mana dadah dijumpai dibuktikan - Anggapan pemilikan - Seksyen 37(d) - Sama ada tertuduh mempunyai pengetahuan bahawa dadah berada dalam kereta - Kegagalan mengemukakan saksi - Akta Keterangan 1950, s. 114(g) - Sama ada terpakai - Sama ada kes*
E *prima facie dibuktikan*

***KETERANGAN:*** *Saksi - Kegagalan mengemukakan saksi - Akta Keterangan 1950, s. 114(g) - Sama ada wujudnya anggapan yang bertentangan*

F Tertuduh-tertuduh ('OKT1, OKT2 dan OKT3') telah dituduh bersama-sama di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta) dengan mengedar 12,130 gram dadah jenis cannabis. Fakta kes menunjukkan bahawa pada awal bulan Mei 2003, SP1, seorang agen provokatur, telah menerima maklumat melalui telefon
G berhubung satu kegiatan pengedaran dadah. Lanjutan dari itu, SP1 telah menghubungi OKT2 dan bertanya sama ada beliau boleh membekalkan dadah kepadanya. Pada hujung bulan Mei 2003, SP1 telah berjumpa OKT2 di sebuah gerai makan di Parit Buntar dan mereka telah berbincang mengenai jual beli dadah jenis
H cannabis. Lebih kurang sepuluh bulan selepas itu, OKT2 telah menelefon SP1 untuk memberitahunya bahawa beliau akan menghantar cannabis sebanyak sepuluh kilogram dan memaklumkan SP1 untuk berjumpa dengannya di Hentian R&R Sungai Buloh. Rentetan peristiwa yang berlaku di antara SP1 dan OKT2 telah
I dimaklumkan oleh SP1 kepada pegawai kanannya, SP2, dari masa ke semasa. Sebaik sahaja SP1 tiba di Hentian R&R Sungai Buloh, OKT2 telah membawa SP1 untuk berjumpa dengan OKT3.

Setelah melihat wang yang dibawa oleh SP1, OKT2 telah memberitahu SP1 untuk tunggu di tempat SP1 meletakkan keretanya, iaitu di Hentian R&R Ipoh. SP2, yang telah sampai di Hentian R&R Ipoh, telah melihat OKT2 beredar menuju ke keretanya jenis Mitsubishi dan bergerak keluar untuk masuk semula ke lebuh raya. Pada masa yang sama, SP2 telah melihat sebuah kereta jenis Proton Saga mengekori kereta Mitsubishi tersebut. Kereta Proton Saga kemudiannya telah berhenti di tempat letak kereta hentian R&R Ipoh dan kereta Mitsubishi pula diletakkan di belakang sedikit selang dua buah kereta dari kereta Proton Saga. Sebaik sahaja pemandu kereta Proton Saga keluar daripada kereta itu, SP2 telah menjerit 'Polis' dengan kuat beberapa kali dan menangkap OKT1. SP2 telah menjumpai satu kunci dari poket seluar yang dipakai oleh OKT1 dan telah membuka bahagian but kereta Proton Saga tersebut. Daripada pemeriksaan yang dijalankan, SP2 telah menjumpai sebuah kotak dan beg yang mengandungi satu beg plastik berwarna hitam dan di dalamnya terdapat sepuluh ketulan mampat yang disyaki cannabis. SP2 telah dimaklumkan oleh pegawai serbuannya ('SP4') bahawa pasukannya telah berjaya menangkap OKT2 dan OKT3 yang menaiki kereta Mitsubishi tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah pada badan mereka dan juga di dalam kereta itu. Repot kimia mengesahkan bahawa bahan yang dijumpai di kereta Proton Saga tersebut adalah dadah jenis cannabis. SP3, seorang mekanik, telah memberi keterangan bahawa beliau telah menyewa kereta Proton Saga tersebut daripada seorang perempuan bernama Ani. Menurut SP3, pada hari yang sama, seorang yang bernama Fauzi telah bertemu SP3 dan meminta SP3 meminjamkan kereta Proton Saga tersebut. Kereta Proton Saga yang dipinjamkan kepada Fauzi tidak dikembalikan kepada SP3. Teras kes pendakwaan di sini adalah untuk membuktikan pengedaran terhadap OKT1, OKT2 dan OKT3 berasaskan kepada suatu penjualan dadah oleh mereka kepada SP1 selaku agen provokatur.

**Diputuskan (membebaskan dan melepaskan OKT1, OKT2 dan OKT3 tanpa dipanggil untuk membuat pembelaan):**

**(1)** Tidak terdapat apa-apa keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan bagi membuktikan bahawa SP1 telah membuat permintaan atau tempahan bagi cannabis tersebut daripada OKT2 atau wujudnya perbincangan di antara SP1 dan OKT2 mengenai harga, jumlah dan cara penghantaran dadah tersebut.

A Peranan SP1 selaku agen provokatur selepas sepuluh bulan daripada pertemuannya dengan OKT2 di Parit Buntar agak kabur kerana tiada keterangan mengenai apa-apa rundingan bagi pembelian dadah oleh SP1 kepada OKT2. (perenggan 33, 34)

B

**(2)** Transaksi atau penjualan di antara OKT1, OKT2 dan OKT3 kepada SP1 meragukan dan tidak disempurnakan akibat penangkapan awal mereka oleh pasukan SP2. Penangkapan awal tersebut adalah pramasa dan terlalu awal. Oleh kerana
C terdapat kelompongan dan keraguan dalam rantaian transaksi jual beli, maka pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes *prima facie* bagi wujudnya pengedaran sebenar dadah jenis cannabis secara penjualan sebagaimana yang ditakrifkan dalam s. 2 Akta. (perenggan 42 & 43)

D

**(3)** Pihak pendakwaan tidak dapat bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(d) Akta bagi membuktikan intipati pemilikan dadah terhadap OKT1 kerana kereta Proton Saga tersebut tidak boleh ditakrifkan sebagai apa-apa sahaja ("anything whatsoever") bagi membangkitkan anggapan pemilikan di
E bawah seksyen tersebut (*Syed Ali Syed Abdul Hamid & Anor v. PP*; dirujuk). (perenggan 47 & 48)

**(4)** Tidak ada keterangan yang telah mengaitkan OKT2 dan OKT3 terhadap kereta Proton Saga tersebut. Oleh itu, pihak
F pendakwaan telah gagal membuktikan intipati pemilikan terhadap mereka. (perenggan 49)

**(5)** Bagi membuktikan pertuduhan terhadap OKT1, pendakwaan tidak hanya dikehendaki membuktikan bahawa OKT1
G mempunyai milikan fizikal atau milikan sebenar dadah tersebut tetapi juga telah mempunyai pengetahuan (*mens rea* possession) bahawa cannabis tersebut berada dalam boot kereta Proton Saga. (perenggan 56)

H **(6)** Kegagalan pihak pendakwaan untuk mengemukakan Ani dan Fauzi telah memudaratkan kes pendakwaan dan membuka ruang pada anggapan yang bertentangan menurut s. 114(g) Akta Keterangan 1950. Pendakwaan juga telah gagal mengemukakan laporan polis yang dibuat oleh SP2 dan juga
I borang pemeriksaan barang kes menurut s. 64 KTJ bagi menyokong versi pendakwaan. (perenggan 69)

**(7)** Berdasarkan s. 180 KTJ, suatu proses penilaian keterangan secara maksima telah dijalankan ke atas keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan mahkamah telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes *prima facie* terhadap OKT1, OKT2 dan OKT3 (*Looi Kow Chai & Anor v. PP*; diikuti). (perenggan 74 & 75)

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Abdullah Zawawi v. PP [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19 SC* ***(dirujuk)***

*Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC* ***(dirujuk)***

*Basil Omar v. PP [2002] 4 CLJ 418 CA* ***(dirujuk)***

*Chan Pean Leon v. PP [1956] 1 LNS 17 HC* ***(dirujuk)***

*Ghazalee Kassim & Ors v. PP [2009] 4 CLJ 737 FC* ***(dirujuk)***

*Inland Revenue Commissioners v. Littlewoods Order Stores [1962] 2 All ER 279* ***(dirujuk)***

*Lee Kwan Woh v. PP [2008] 4 CLJ 133 CA* ***(dirujuk)***

*Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA* ***(diikuti)***

*Munusamy Vengadasalam v. PP [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 SC* ***(dirujuk)***

*Namasiyiam Doraisamy v. PP & Other Cases [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ (Rep) 241 SC* ***(dirujuk)***

*Parlan Dadeh v. PP [2009] 1 CLJ 717* ***(dirujuk)***

*PP v. Han Kong Juan & Ors [1983] 1 CLJ 245; [1983] CLJ (Rep) 773 HC* ***(dirujuk)***

*PP v. Lam Peng Hoa & Anor [1996] 3 CLJ 747 HC* ***(dirujuk)***

*PP v. Lin Lian Chen [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285 SC* ***(dirujuk)***

*PP v. Mansor Md Rashid & Anor [1997] 1 CLJ 233 FC* ***(dirujuk)***

*PP v. Mohd Fairus Omar [1997] 3 CLJ Supp 260 HC* ***(dirujuk)***

*PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC* ***(dirujuk)***

*PP v. Nordin Awang [2000] 1 LNS 288 HC* ***(dirujuk)***

*PP v. Sa'ari Jusoh [2007] 2 CLJ 197 FC* ***(dirujuk)***

*PP v. Tan Sri Kasitah Gaddam [2009] 1 LNS 741 HC* ***(dirujuk)***

*Saad Ibrahim v. PP [1967] 1 LNS 154 HC* ***(dirujuk)***

*Syed Ali Syed Abdul Hamid & Anor v. PP [1982] CLJ 188; [1982] CLJ (Rep) 340 FC* ***(dirujuk)***

*Ti Chuee Hiang v. PP [1995] 3 CLJ 1 FC* ***(dirujuk)***

*Tong Peng Hong v. PP [1955] 1 LNS 165 HC* ***(dirujuk)***

*Wan Marzuki Wan Abdullah v. Pendakwa Raya [2008] 4 CLJ 631 CA* ***(dirujuk)***

A **Perundangan yang dirujuk:**
Criminal Procedure Code, ss. 64, 112, 180
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(d), 39B(1)(a), (b), (c), (2), 40, 40A
Evidence Act 1950, ss. 32, 114(g)
B Penal Code, s. 34

*Bagi pihak PP - Wan Zuraidah Wan Nawan*
*Bagi pihak tertuduh 1 - T/n Shamsuddin & Co*
*Bagi pihak tertuduh 2 - The Law Practice of Rafique*
*Bagi pihak tertuduh 3 - T/n Lim Sreekant & Co*

C *Dilaporkan oleh Kumitha Abdul Majid*

## PENGHAKIMAN

D **Asmabi Mohamad PK:**

### Latar Belakang

**[1]** Jaafar bin Ghazali (tertuduh 1), Syed Nazeri bin Syed Alwi (tertuduh 2) dan Dimshari bin Arshad (tertuduh 3) telah dituduh
E di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB) dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama.

**[2]** Di akhir perbicaraan, mahkamah telah memutuskan pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes *prima facie* kes
F terhadap tertuduh 1, 2 dan 3 dan telah membebas dan melepaskan ketiga-tiga tertuduh tanpa memanggil mereka untuk membuat pembelaan.

**[3]** Pendakwa Raya yang tidak berpuashati dengan keputusan ini telah memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan Malaysia
G terhadap keseluruhan keputusan tersebut.

### Pertuduhan

**[4]** Pertuduhan terhadap tertuduh ialah seperti berikut:

H Bahawa kamu bersama-sama pada 6hb April 2004 jam lebih kurang 9.30 malam, di Tempat Letak Kereta Restoran Jejantas Hentian Sungai Buloh, menghala ke Utara, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, telah memperedar dadah berbahaya sejumlah berat 12,130 gram Cannabis dan oleh yang demikian,
I kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah Seksyen

39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) Akta yang sama, dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

## Saksi-saksi Pendakwaan

**[5]** Bagi membuktikan kes terhadap tertuduh, pihak pendakwaan telah memanggil enam orang saksi iaitu:

| | | |
|---|---|---|
| i. L/Koperal Ali Ahmad a/l PV Aboo | – | SP1 (Agent Provocateur) |
| ii. ASP Mohd Azam bin Abdul Razak | – | SP2 (Ketua Serbuan) |
| iii. Shamsol Nazar bin Ishak | – | SP3 (Saksi Awam) |
| iv. S/M Md Noor Aminuddin bin Mohamad | – | SP4 (Pegawai Serbuan) |
| v. Koperal Hairi bin Harun | – | SP5 (Pegawai Serbuan) |
| vi. Abdul Rahim bin Shahadan | – | SP6 (Ahli Kimia) |
| vii. Koperal Haris Fadilah bin Baki | – | SP7 (Penjaga Stor) |
| viii. D/Koperal Fauzi bin Khalid | – | SP8 (Pegawai Serbuan) |
| ix. ASP Suzalani bin Shafie | – | SP9 (Pegawai Penyiasat) |

**[6]** Fakta kes terhadap tertuduh ialah sebagaimana keterangan saksi-saksi penting yang diperturunkan selepas ini khususnya SP1, SP2, SP3, SP4, SP5, SP6 dan SP9. Kes pendakwaan tertumpu kepada keterangan SP1 seorang Agent Provocateur (AP) dan SP2 (Ketua Serbuan).

## Fakta Kes Pendakwaan

*SP1 – Ali Ahmad bin PV Aboo (Agent Provocateur – AP)*

**[7]** Pada awal bulan Mei 2003, SP1, seorang Agent Provocateur (AP) telah menerima maklumat melalui telefon berhubung dengan suatu kegiatan pengedaran dadah oleh seorang lelaki dengan

menggunakan nombor telefon 013-4070826. Apabila SP1 menghubungi nombor tersebut, panggilan itu telah disambut oleh seorang lelaki yang memperkenalkan dirinya sebagai Syed (tertuduh 2). SP1 telah memperkenalkan dirinya sebagai Ali dan bertanya tertuduh 2 yang dipanggilnya 'abang' sama ada tertuduh 2 boleh bekalkan dadah jenis ganja atau yang dirujuk oleh tertuduh 2 sebagai 'kain'. Tertuduh 2 telah menyatakan beliau boleh membekalkan dadah itu tetapi buat masa tersebut tertuduh 2 tiada stok kerana menghadapi kesukaran untuk mendapat stok.

**[8]** Pada hujung bulan Mei 2003, SP1 telah berjumpa dengan tertuduh 2 di sebuah gerai makan di Parit Buntar Perak. Tertuduh 2 datang menemui SP1 dengan menaiki kereta jenis Mitsubishi Super Touring bernombor BAY 9722 (kereta Mitsubishi). Dalam pertemuan itu, tertuduh 2 dan SP1 telah berbincang mengenai jual beli dadah jenis Cannabis. Pada akhir pertemuan tersebut, tertuduh 2 telah meminta sedikit wang belanja daripada SP1 dan SP1 telah menyerahkan RM300 kepada tertuduh 2.

**[9]** Pada 21 Mac 2004 iaitu lebih kurang sepuluh bulan selepas pertemuan SP1 dan tertuduh 2 di Parit Buntar, SP1 telah menerima panggilan telefon daripada tertuduh 2 memaklumkan kepada SP1 beliau sudah mempunyai stok Cannabis. Pada 3 April 2004, SP1 sekali lagi menerima panggilan telefon daripada tertuduh 2 dan menyatakan stok Cannabis sudah ada dan tertuduh 2 akan membuat penghantaran pada keesokan hari tetapi pada hari yang sama, di sebelah malam tertuduh 2 telah menelefon SP1 memaklumkan beliau tidak dapat menghantar Cannabis tersebut kerana ada sedikit masalah. Pada 5 April tertuduh 2 sekali lagi menelefon SP1 dan memberitahu SP1 beliau akan menghantar Cannabis sebanyak 10 kilogram pada keesokan hari iaitu 6 April 2004.

**[10]** Pada 6 April 2004 jam lebih kurang 9 pagi, SP1 sekali lagi menerima panggilan telefon daripada tertuduh 2 yang memaklumkan, beliau sedang dalam perjalanan menuju ke Kuala Lumpur untuk menghantar dadah kepada SP1. Pada jam 2 petang, tertuduh 2 telah menelefon SP1 dan meminta SP1 berjumpa dengannya di Hentian R&R Sungai Buloh. Tertuduh 2 juga telah memaklumkan kepada SP1 tertuduh 2 akan menelefon SP1 sebaik sahaja beliau sampai di Hentian R&R Sungai Buloh. Sebagaimana yang

dijanjikan, pada jam 8 malam tertuduh 2 sekali lagi menelefon SP1 dan memaklumkan kepada SP1, tertuduh 2 sudah sampai di Hentian R&R Sungai Buloh.

**[11]** Rentetan peristiwa yang berlaku di antara SP1 dan tertuduh 2 telah dimaklumkan SP1 kepada pegawai kanannya, SP2 dari masa ke semasa.

**[12]** Pada 6 April 2004, selepas menghadiri suatu taklimat yang diberi oleh SP2, SP1 bertolak ke Hentian R&R Sungai Buloh dan sampai ke Hentian itu pada jam lebih kurang 9 malam. Sebaik sahaja SP1 tiba di situ, SP1 telah meletakkan keretanya di sebelah tempat letak kereta di Hentian R&R menghala ke Ipoh (Hentian R&R Ipoh). SP1 kemudiannya telah melintasi jejantas Hentian R&R Sungai Buloh tersebut dan berjumpa dengan tertuduh 2 di kawasan tempat letak kereta R&R menghala ke Kuala Lumpur (Hentian R&R KL). Di tempat letak kereta tersebut tertuduh 2 telah bertanya sama ada SP1 ada membawa wang dan SP1 telah membuka beg yang disandangnya ambil menunjukkan wang terdapat dalam beg tersebut. Seterusnya tertuduh 2 telah membawa SP1 ke sebuah pondok rehat di kawasan tempat letak kereta untuk berjumpa dengan seorang lelaki (tertuduh 3). Apabila SP1 tiba di pondok tersebut, tertuduh 3 telah bertanya kepada SP1 sama ada SP1 ada membawa wang. SP1 telah membuka beg sandangnya sambil menunjukkan wang yang berada di dalam beg tersebut kepada tertuduh 3. Setelah tertuduh 3 melihat wang yang ditunjukkan itu, SP1 nampak tertuduh 3 menelefon seseorang dan selepas panggilan telefon itu tertuduh 3 telah bertanya kepada SP1 di mana tempat SP1 meletak keretanya dan SP1 menyatakan keretanya diletakkan di Hentian R&R Ipoh. Tertuduh 2 telah memberitahu SP1 untuk tunggu di tempat SP1 meletakkan keretanya dan dia akan datang ke situ. Selepas itu SP1 telah beredar dari kawasan tersebut.

*SP2 – ASP Mohd Azam bin Abdul Razak (Ketua Serbuan)*

**[13]** Pada jam 8 malam 6 April 2004, SP2 telah mengadakan suatu taklimat di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur yang telah dihadiri oleh lebih kurang 12 anggotanya bagi tujuan menyusun strategi untuk membanteras suatu aktiviti pengedaran dadah yang dikatakan akan berlaku di Hentian R&R Sungai Buloh. Dalam taklimat tersebut SP2 telah membahagikan anggotanya kepada tiga kumpulan yang masing-masingnya diketuai oleh SP2

A sendiri, SP4 dan juga SP8. Kesemua pasukan bertolak dari Kuala Lumpur dan sampai ke Hentian R&R Sungai Buloh pada jam lebih kurang 9 malam. Setelah sampai di Hentian R&R Ipoh, SP2 telah berlegar-legar di kawasan tersebut dan kemudian mengekori SP1 yang telah melintasi jejantas Hentian R&R Sungai Buloh untuk B berjumpa dengan tertuduh 2 di kaki lima Hentian R&R KL. SP2 melihat SP1 berbincang sesuatu dengan tertuduh 2 dan berada di situ lebih kurang 20 minit. Selepas itu SP2 nampak SP1 mengekori tertuduh 2 menyeberangi jalan dan menuju ke sebuah pondok tempat rehat dan berjumpa dengan tertuduh 3 yang sedang duduk C di pondok tersebut. Selepas dua ke tiga minit kemudian, SP2 nampak SP1 berpatah balik ke Hentian R&R Ipoh dan tertuduh 2 telah beredar menuju ke kereta Mitsubishi dan bergerak keluar untuk masuk semula ke lebuh raya. Pada masa yang sama SP2 nampak sebuah kereta Proton Saga berwarna putih (kemudiannya D dikenal pasti sebagai kereta Proton Saga bernombor pendaftaran PBN 8618) (kereta 'Proton Saga') mengekori kereta Mitsubishi tersebut. SP2 telah berpatah balik ke Hentian R&R Ipoh kerana dimaklumkan oleh SP1, tertuduh 2 dan 3 telah meminta SP1 menunggu mereka di Hentian R&R Ipoh. SP2 telah mengarahkan E anggota bermotosikalnya yang berada di Hentian R&R KL untuk mengekori kedua-dua kereta tersebut. Tidak lama kemudian SP2 telah mendapat laporan melalui walkie talkie kedua-dua kereta Mitsubishi dan Proton Saga tersebut telah bergerak keluar dari kawasan Hentian R&R KL dan membuat pusingan U di Tol Jalan F Duta dan kemudiannya kembali ke Hentian R&R Ipoh iaitu di tempat seperti yang ditandakan dalam eks. ID6A-H.

**[14]** Kereta Proton Saga kemudiannya telah berhenti di tempat letak kereta di hadapan tandas dan kereta Mitsubishi pula G diletakkan di belakang sedikit selang dua buah kereta dari kereta Proton Saga. Sebaik sahaja pemandu kereta Proton Saga keluar daripada kereta itu SP2 telah menjerit 'POLIS' dengan kuat beberapa kali dan menangkap tertuduh 1. SP2 telah menjalankan pemeriksaan ke atas badan tertuduh 1 tetapi tidak menjumpai apa-H apa barang salah. Hasil pemeriksaan pada poket seluar sebelah kanan yang dipakai tertuduh 1, SP2 menjumpai satu kunci kereta. Dengan menggunakan kunci tersebut SP2 telah membuka kereta Proton Saga dan menjalankan pemeriksaan di bahagian boot kereta tersebut dan menjumpai sebuah kotak jenama 'National' (eks. P50) I dan sebuah beg berjenama 'Nike Must Do it' (eks. P51). Setelah kotak (eks. P50) dibuka terdapat satu beg plastik berwarna hitam

(eks. P49) dan di dalamnya terdapat 10 ketulan mampat yang disyakki Cannabis (eks. P11 hingga P30). Di dalam eks. P51 ditemui pula empat ketulan mampat yang disyakki Cannabis (eks. P32 hingga P39) (P11 hingga P30 & P32 hingga P39 akan dirujuk sebagai 'Cannabis tersebut' di mana yang perlu). Setiap ketulan mampat ini diikat dengan tali rafia hijau dan dibalut dengan plastik dan diperkuat dengan selotape.

**[15]** SP2 telah dimaklumkan oleh SP4 pasukannya juga berjaya menangkap tertuduh 2 dan 3 yang menaiki kereta Mitsubishi tetapi tidak menjumpai apa-apa barang salah pada badan mereka dan juga di dalam kereta itu. SP2 telah membawa balik tertuduh 1 bersama-sama dengan barang yang ditemui dalam boot kereta tersebut ke Jabatan Siasatan Jenayah (Narkotik) IPK Kuala Lumpur dengan menaiki kereta Proton Saga tersebut.

**[16]** Di IPK Kuala Lumpur SP2 telah membuat tandaan pada eks. P50 dengan penandaan huruf 'A', eks. P49 ditandakan dengan penandaan 'BB', sepulih ketulan mampat masing-masingnya ditandakan dengan penandaan B1 hingga B10 (eks. P12, 14, 16, 18, 20, 22, 24, 26, 28 & 30). Bagi P51 pula ditandakan dengan tandaan 'C' dan setiap empat ketulan yang terdapat di dalam P51 ditandakan masing-masingnya sebagai C1 hingga C4 (P33, 35, 37 dan 39). Gambar-gambar barang kes juga telah dirakamkan (ID6A hingga U). Suatu laporan polis juga telah dibuat berkait Sungai Buloh Report 3273/04. Barang kes yang dirampas dan tertuduh 1, 2 dan 3 diserahkan kepada SP9 untuk tindakan lanjut. Suatu Borang Serah Menyerah Barang Kes di antara SP2 dan SP9 telah disempurnakan (eks. P42).

*SP9 – Keterangan ASP Suzalani bin Shafie (Pegawai Penyiasat)*

**[17]** Pada 7 April 2004, semasa SP9 bertugas sebagai Pegawai Penyiasat Narkotik di Ibu Pejabat Daerah Petaling Jaya, SP9 telah dimaklumkan oleh SP2 mengenai operasi yang dijalankan pada malam 6 April 2004 di Hentian R&R Sungai Buloh di mana tertuduh 1, 2 dan 3 telah ditangkap bersama-sama dengan barang kes (eks. P50 di dalamnya terdapat P49 dan P11 hingga P30, P51 dan P32 hingga P39). SP9 telah membuat timbangan ke atas barang kes dan mendapati berat kasar kesemua ketulan mampat B1 hingga B10 dan C1 hingga C10 dan mendapati berat kesemua ketulan mampat B1 hingga B10 dan C1 hingga C10 ialah 12,853

gram. SP9 telah menurunkan tandatangan pada semua barang kes dan menyimpan barang kes di dalam kabinet besi yang berkunci dalam biliknya. Suatu Rajah Kasar di tempat kejadian telah disediakan (eks. P40) dan gambar tempat kejadian juga diambil (ID6A hingga H).

**[18]** Barang kes yang diterima telah dikeluarkan untuk dihantar kepada ASP Izanizam bin Salleh, seorang pegawai di Makmal Forensik Cheras untuk suatu penimbulan cap jari diperoleh. Suatu Borang Serah Menyerah telah disempurnakan seperti eks. P43 dan permintaan untuk laporan cap jari ialah seperti pada eks. P44. Borang Serah Menyerah Semula Barang Kes oleh ASP Izanizam bin Salleh kepada SP9 ialah seperti pada eks. P45 beserta Laporan Makmal Forensik seperti di eks. P46.

**[19]** Kesemua barang kes (eks. P50 di dalamnya terdapat P49 dan P11 hingga P30 & P51 di dalamnya P32 hingga P39) telah dibawa ke Jabatan Kimia Petaling Jaya dan diserahkan kepada SP6 bersama-sama dengan permintaan untuk analisis seperti pada POL 31 (eks. P47). Suatu bukti penyerahan dan penerimaan ialah seperti pada eks. P8.

*SP6 – Encik Abdul Rahim bin Shahadan (Ahli Kimia)*

**[20]** Pada 20 Ogos 2004 jam 3.07 minit petang, SP6 seorang Ahli Kimia di Jabatan Kimia Malaysia, Petaling Jaya telah menerima satu permohonan POL 31 (eks. P47) bersama-sama dengan dua kotak masing-masingnya bertanda 'S' (eks. P10) dan 'S1' (eks. P31) bermeterai PDRM CAD PJ daripada Cif Inspektor Suzalani (SP9). Sebaik sahaja SP6 menerima barang kes, SP6 telah memeriksa kotak bertanda 'S' dan mendapati kandungannya sepuluh bungkusan masing-masingnya bertanda 'B1' hingga 'B10'. Setiap satu bungkusan terdiri daripada ketulan mampat bahan tumbuhan yang diikat dengan tali dan berbalut plastik yang diperkuat dengan selotape. Bagi kotak bertanda 'S1' pula terdapat empat bungkusan masing-masing bertanda 'C1' hingga 'C4' yang diikat dengan tali dan berbalut plastik yang diperkuat dengan selotape. Kedua-dua kotak dalam keadaan baik dan bermeterai kemas. Barang kes yang diterima telah didaftarkan dan diberi nombor makmal (PJ) FOR 7399/04-0 dan satu akuan penerimaan dikeluarkan (P8). Selepas memeriksa kandungan kedua-dua kotak dan berpuashati kandungannya adalah sama seperti yang tercatit pada P8, SP6

telah menutup semula P10 dan P31 dengan sempurna dengan menggunakan pita pelekat dan menyimpannya dengan selamat dalam kabinet besi berkunci kepunyaan SP6 dalam Bilik Kebal Seksyen Narkotik.

**[21]** Sebelum SP6 menjalankan analisis, SP6 telah terlebih dahulu membuat timbangan ketulan mampat daun-daun kering dengan pembalutnya dan selepas menolak berat pembalut SP6 mendapati berat bersih dalam gram seperti berikut: 'B1' – 835.91 (eks. P11 & P12), 'B2' – 898.51 (eks. P13 & P14), 'B3' – 869.69 (eks. P15 dan P16), 'B4' – 871.86 (eks. P17 & P18), 'B5' – 902.58 (eks. P19 & P20), 'B6' – 865.47 (eks. P21 & P22) , 'B7' – 908.15 (eks. P23 & P24), 'B8' – 856.35 (eks. P25 & P26), 'B9' – 803.58 (eks. P27 & P28), 'B10' – 869.25 (eks. P29 & P30), 'C1' – 874.74 (eks. P32 & P33), 'C2' – 837.94 (eks. P34 & P35), 'C3' – 802.78 (eks. P36 & P37), 'C4' – 941.72 (eks. P38 & P39). Butir-butir terperinci berat bungkusan ialah sepertimana yang terkandung di ms 51 dan 52 Nota Keterangan (NK). SP6 telah menjalankan Pemeriksaan Fizikal ke atas keseluruhan bahan tumbuhan iaitu 100%, Ujian Mikroskopik, Ujian Duquenois – Levine Test dan Ujian Thin layer Chromotography. Hasil daripada keempat-empat ujian SP6 telah mencapai keputusan yang konklusif bahawa keseluruhan bahan tumbuhan ialah Cannabis seperti yang ditakrifkan dalam s. 2 ADB 1952. Berat keseluruhan bungkusan B1 hingga B10 yang dilaporkan tanpa tanda perpuluhan ialah 8,676 gram Cannabis. Sementara itu berat keseluruhan bagi C1 hingga C4 yang dilaporkan tanpa perpuluhan ialah 3,454 gram Cannabis. Keseluruhan berat Cannabis bagi bungkusan B1 hingga B10 dan C1 hingga C4 ialah 12,130 gram Cannabis. Kaedah ujian yang dijalankan diiktiraf oleh UNODC (United Nations Office of Drugs and Crimes). SP6 juga mengesahkan alat timbangan yang digunakan juga mempunyai Sijil Kalibrasi yang sah. Satu Laporan Kimia juga telah disediakan (P9).

**Keterangan Saksi-saksi Penting Pendakwaan Lain**

*SP3 – Shamsol Nazar bin Ishak (Saksi Awam)*

**[22]** SP3 bekerja sebagai seorang mekanik di Titi Serong Parit Buntar, Perak. Pada 5hb April 2004, SP3 telah menyewa sebuah kereta Proton Saga daripada seorang perempuan bernama Ani untuk membawa teman wanitanya berjalan-jalan. Pada hari yang sama juga seorang yang bernama Fauzi yang juga dikenali sebagai

A 'Balak' telah bertemu SP3 dan meminta SP3 meminjamkan kereta Proton Saga yang disewa SP3 daripada Ani kepadanya untuk membawa kawannya ke Kuala Lumpur. Kereta yang dipinjamkan kepada Fauzi tidak dikembalikan kepada SP3 dan setelah itu SP3 mendapat maklumat kereta tersebut telah ditahan oleh pihak polis.

B

*SP4 – Sarjan Major Md Noor Aminuddin bin Mohamad (Pegawai Tangkapan)*

**[23]** SP4 turut terlibat dalam operasi yang diketuai SP2 dan telah dipertugaskan untuk mengetuai satu pasukan bersama-sama dengan
C Koperal Mohd Hairi bin Harun (SP5) untuk membuat pemerhatian dan intipan terhadap kereta Mitsubishi di Hentian R&R Sungai Buloh. Pada jam 9.10 malam SP4 telah mendapat arahan untuk membuat pemerhatian ke atas kereta Proton Saga. Pada jam lebih
D kurang 9.20 malam terdapat dua kenderaan iaitu Proton Saga dan Mitsubishi masuk ke kawasan SP4 membuat serbuan dan SP2 telah mengarahkan SP4 untuk mengikuti kenderaan Mitsubishi untuk membuat tangkapan ke atas tertuduh 2 dan 3 dan SP2 pula akan menumpukan tangkapannya ke atas kereta Proton Saga yang
E dipandu oleh tertuduh 1. Tertuduh 2 telah ditangkap oleh SP4 dan tertuduh 3 pula ditangkap oleh SP5. Kedua-dua tertuduh 2 dan 3 kelihatan takut dan menggigil pada masa ditangkap. SP4 telah menjalankan pemeriksaan ke atas tertuduh 1 dan 2 dan tidak menjumpai apa-apa barang salah pada badan mereka. Pemeriksaan
F yang dijalankan dalam kereta Mitsubishi tersebut juga menunjukkan tiada barang salah yang dijumpai dalam kereta tersebut.

*SP8 – Detektif Konstabel Fauzi bin Khalid (Pegawai Serbuan)*

**[24]** SP8 bersama dengan satu lagi anggota telah pergi ke R&R
G Sungai Buloh dengan menaiki motosikal. SP8 telah diarahkan oleh SP2 untuk membuat pemerhatian ke atas kenderaan Mitsubishi. SP8 nampak apa yang berlaku di antara SP1, tertuduh 2 dan 3 sebagaimana yang diterangkan oleh SP2 dan SP1. Apabila SP8 melihat kereta Mitsubishi keluar daripada Hentian R&R KL dengan
H diikuti oleh kereta Proton Saga, SP8 telah memaklumkan perkara ini kepada SP2 yang kemudiannya mengarah SP8 untuk mengekori kedua-dua kenderaan ini sehingga masuk ke Hentian R&R Ipoh. SP8 telah mengekori kedua-dua kenderaan ini dan apabila SP8 nampak SP2 mengekori kenderaan itu, SP8 berpatah balik dan
I menunggu di jalan keluar.

## Teras Kes Pendakwaan

**[25]** Tertuduh 1, 2 dan 3 telah dituduh dengan niat bersama mengedar dadah berbahaya seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB) iaitu Cannabis yang beratnya ialah 12,130 gram yang merupakan suatu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) ADB dan dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan. Melalui Ucapan Pembukaannya khususnya dalam perenggan 3, pihak pendakwaan telah menyatakan mereka akan membuktikan kes pengedaran terhadap tertuduh 1, 2 dan 3 berasaskan kepada suatu penjualan dadah oleh tertuduh 1, 2 dan 3 kepada SP1 selaku AP. Daripada apa yang dinyatakan dalam Ucapan Pembukaan adalah jelas teras kes pendakwaan terhadap tertuduh 1, 2 dan 3 ialah pengedaran sebenar dadah berbahaya jenis Cannabis berjumlah 12,130 gram melalui suatu penjualan iaitu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) ADB.

**[26]** Tafsiran bagi perkataan 'pengedaran dadah' menurut s. 2 ADB ialah:

> ... termasuklah melakukan salah satu daripada perbuatan-perbuatan ini, iaitu mengilang, mengimport, mengeksport, menyimpan, menyorok, membeli, menjual, memberi, menerima, menyetor, mengendalikan, mengangkut, membawa, menghantar, mengirim, berusaha mendapatkannya, membekal atau mengedar sesuatu dadah berbahaya atau dengan cara lain di bawah penguatkuasaan Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini:

**[27]** Dalam kes ini tertuduh 1, 2 dan 3 dikatakan telah menjual dadah seberat 12,130 gram Cannabis kepada SP1 selaku AP. Seksyen yang relevan dalam ADB berhubung dengan isu informer dan AP ialah s. 40 dan 40A ADB. Tafsiran dan pemakaian kedua-dua seksyen ini telah dibincangkan dengan terperinci dalam beberapa kes yang telah diputuskan sebelum ini. (Lihat *Munusamy Vengadasalam v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221; *Namasiyiam Doraisamy v. PP & Other Cases* [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ (Rep) 241; *PP v. Mansor Md Rashid & Anor* [1997] 1 CLJ 233; *Ti Chuee Hiang v. PP* [1995] 3 CLJ 1; *Ghazalee Kassim & Ors v. PP* [2009] 4 CLJ 737).

**[28]** Kebolehterimaan keterangan AP dan juga kredibiliti AP tidak menjadi isu kerana s. 40A ADB memberi perlindungan kepada AP. Keterangan AP juga tidak perlu disokong oleh keterangan bebas lain. Tanggapan bahawa keterangan AP adalah kredibel juga boleh

dipatahkan jika pembelaan mengemukakan keterangan yang cukup bagi menunjukkan AP ialah saksi yang tidak kredibel (Lihat kes *Pendakwa Raya v. Han Kong Juan & Ors* [1983] 1 CLJ 245; [1983] CLJ (Rep) 773 HC).

**[29]** Pendakwaan telah mempremiskan kesnya terhadap tertuduh 1, 2 dan 3 di bawah s. 39B(1)(a) ADB iaitu pengedaran sebenar melalui penjualan Cannabis tersebut kepada seorang AP. Kes pendakwaan bukanlah kerana tertuduh 1, 2 dan 3 telah menawar untuk mengedar Cannabis di bawah s. 39B(1)(b) ADB atau melakukan atau menawar atau melakukan sesuatu perbuatan sebagai persediaan untuk dan bagi maksud pengedaran Cannabis di bawah s. 39B(1)(c) ADB. Persoalannya ialah sama ada berdasarkan factual matrix kes ini, pendakwaan telah berjaya membuktikan intipati pengedaran Cannabis melalui suatu penjualan terhadap tertuduh 1, 2 dan 3.

**[30]** Maksud perkataan menjual (selling) telah dibincangkan dengan terperinci dalam kes *Pendakwa Raya v. Sa'ari bin Jusoh* [2007] 2 CLJ 197 di mana Mahkamah Persekutuan telah menyatakan ketika mentafsirkan perkataan 'selling' dalam s. 2 ADB, kesalahan-kesalahan di bawah subseksyen 39B(1)(b) iaitu menawar untuk mengedar dadah berbahaya atau (c) iaitu melakukan atau menawar atau melakukan sesuatu perbuatan sebagai persediaan untuk atau bagi maksud pengedaran dadah berbahaya, hendaklah dikecualikan daripada tafsiran perkataan itu. Selanjutnya Mahkamah Persekutuan telah menyatakan perkataan menjual di bawah s. 2 ADB tidak merujuk kepada suatu penjualan akan datang tetapi kepada penjualan semasa.

**[31]** Dalam kes *Pendakwa Raya v. Saari bin Jusoh (supra)* setelah membincang beberapa tafsiran bagi perkataan 'selling'/'sale' and 'contract to sell' yang diberi masing-masingnya oleh Webster's New World Dictionary Edisi Ketiga, Butterworths Australian Legal Dictionary, The Law Lexicon oleh Ramanatha Aiyar dan juga pada kes *Inland Revenue Commissioners v. Littlewoods Order Stores* [1962] 2 All ER 279 yang merujuk kepada Benjamin on Sale Edisi Kedelapan, YA Augustine Paul HMR (pada ketika itu bersidang sebagai HMP) menyimpulkan tafsiran bagi perkataan penjualan (sale) sebagai:

A sale is therefore complete upon transfer of property in the goods even though the price has not been paid. A sale in this sense cannot therefore be described as an act preparatory to the sale or as negotiations leading to the sale or even an agreement for sale.

**[32]** Sementara itu dalam kes yang sama YA Abdul Aziz Mohamad HMP menyatakan:

For my part in considering the dictionary meaning of 'sell' for the purpose of determining the ordinary meaning of 'selling' in the defination of 'trafficking', I would reject Webster meaning No. 2, without having to resort to the existence of paras (b) and (c) of s. 39B(1) as one that could not have been intended by the legislature. The meaning intended is No. 1, which for the present case is "to ... deliver ... goods ... for money". So long as the delivery is for money – which the delivery in this case was – as opposed to delivery as a gift or on some other basis, it is selling even though the money for which the goods are delivered has not passed to the seller.

...

I am of course of the view that the act of selling takes place once the goods are transferred or delivered even though the price has not been paid.

**[33]** Dalam kes ini tidak terdapat apa-apa keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan bagi membuktikan SP1 ada membuat permintaan atau tempahan Cannabis tersebut daripada tertuduh 2 atau membincangkan harga dan jumlah dadah yang dikehendaki SP1 dan juga bagaimana dadah berbahaya itu hendak diserahkan kepada SP1. Keterangan menunjukkan selepas perbincangan di Parit Buntar, Perak tidak berlaku sebarang transaksi penjualan dadah oleh tertuduh 2 kepada SP1 kerana ketiadaan stok.

**[34]** Namun pada 6 April 2004 iaitu lebih kurang sepuluh bulan kemudian, SP1 telah menerima panggilan telefon daripada tertuduh 2 yang memaklumkan kepada SP1 stok Cannabis sudahpun ada dan tertuduh 2 sedang dalam perjalanan menuju ke Kuala Lumpur untuk membawa Cannabis yang dirujuk sebagai 'kain' dan akan berjumpa dengan SP1 bagi tujuan penyerahan dadah itu kepada SP1 di R&R Sungai Buloh. Pada tahap ini juga tidak ada apa-apa keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi

menunjukkan SP1 ada membuat tempahan atau permintaan dadah kepada tertuduh 2 atau wujudnya perbincangan di antara SP1 dan tertuduh 2 mengenai harga, jumlah dan cara penghantaran dadah tersebut. Perbincangan yang dibuat pada bulan Mei di antara SP1 dan tertuduh 2 telah luput ekoran kegagalan tertuduh 2 membekal dadah kepada SP1 kerana ketiadaan Stok. Bagi transaksi yang dikatakan berlaku pada 6 April 2004 tiada keterangan dikemukakan oleh pendakwaan terdapatnya perbincangan baru di antara SP1 dan tertuduh 2 berhubung transaksi penjualan dadah. Peranan SP1 selaku AP selepas sepuluh bulan daripada pertemuannya dengan tertuduh 2 di Parit Buntar, Perak agak kabur ekoran ketiadaan keterangan mengenai apa-apa rundingan bagi pembelian dadah oleh SP1 kepada tertuduh 2. Secara tiba-tiba tertuduh 2 telah menelefon SP1 dan memaklumkan hasratnya untuk menghantar dadah tersebut kepada SP1.

**[35]** Suatu lagi fakta yang nyata ialah pada setiap masa SP1 hanya berkomunikasi dengan tertuduh 2. SP1 tidak pernah berkomunikasi dengan tertuduh 1 dan 3. Dalam keterangannya SP1 menyatakan pada tarikh 6 April 2004 itulah tarikh kali pertama SP1 melihat tertuduh 1 dan 3.

**[36]** Dalam kes ini pihak pendakwaan juga telah gagal membuktikan kepada mahkamah wujudnya intipati penjualan di antara tertuduh 1, 2 dan 3 kepada SP1 ekoran tiada penyerahan sebenar dadah dibuat kepada pembeli iaitu SP1.

**[37]** Sama ada terdapat penyerahan sebenar Cannabis tersebut kepada SP1 adalah suatu persoalan fakta yang wajar dinilai di sekeliling kes ini. Apa yang dimaksudkan sebagai penyerahan sebenar (actual delivery) telah diterangkan oleh YA Gopal Sri Ram HMR dalam kes *Wan Marzuki Wan Abdullah v. Pendakwa Raya* [2008] 4 CLJ 631 seperti yang berikut:

> In our judgment whether there is actual delivery is a question of fact and degree. It depends on the particular facts of an individual case. Varying fact patterns may be envisaged. An accused (as vendor) may physically hand the drug to the buyer (usually the AP) or he may make it readily avaialble for the buyer to take control of it as happened in Saari Jusoh or he may place it in a vehicle or a room and hand the keys to the same to the buyer. In all these cases there is actual delivery. There may be cases where the delivery is constituted by more than one act. Take this

very case. The acts of the appellant in bringing the drug to the petrol station and place it near PW5 when taken cumulativerly constitute actual delivery.

**[38]** Dalam keterangannya di mahkamah SP1 menyatakan:

Tertuduh 2 memberitahu saya minta saya tunggu di kereta saya tempat saya parking tersebut dan dia akan datang ke tempat saya parking. Semasa Tertuduh 2 sampai berhampiran dengan kereta saya ASP Mohd Azam terus telah membuat serbuan terhadap mereka. Pada masa serbuan dibuat saya telah beredar daripada kawasan tersebut.

Apabila disoal balas oleh Peguam bela terpelajar Tertuduh 3 SP1 menyatakan:

Pada masa serbuan dilakukan saya tidak nampak apa yang dirampas oleh pihak polis.

**[39]** SP2 dalam keterangannya pula menyatakan:

Seterusnya dengan menggunakan kunci yang saya jumpa dalam poket lelaki Melayu tersebut saya membuat pemeriksaan ke atas kereta Proton Saga putih tersebut dan menjumpai satu kotak bertulis Nasional di dalam bonet kereta tersebut. Dalam kotak tersebut ada satu karung plastik hitam yang mana di dalamnya terdapat slab-slab yang mengandungi yang saya syakki dadah ganja. Setelah saya kira di dalamnya ada 10 ketulan mampat disyakki dadah ganja.

Setiap ketulan mampat tersebut saya dapati ketulan tersebut telah diikat dengan tali rafia warna hijau tidak silap saya. Dan dibalut dengan plastik lutsinar dan diperkuat dengan salotape lutsinar.

Pemeriksaan lanjut dalam bonet tersebut saya telah jumpai satu beg warna hitam beg yang bertulis "Nike Must Do it". Saya buka beg tersebut dan dapati ada lagi empat ketulan mampat yang saya syakki dadah ganja. Bentuk dan keadaan empat ketulan ini sama dengan 10 ketulan yang saya jumpa dalam sarung plastik tadi.

**[40]** Jelas daripada keterangan yang saya petik ini tidak terdapat suatu penyerahan sebenar Cannabis tersebut kepada SP1 oleh tertuduh 1, 2 dan 3. Tanpa berlakunya penyerahan sebenar Cannabis tersebut kepada SP1 maka tidak wujud suatu penjualan Cannabis kepada SP1 oleh tertuduh 1, 2 dan 3. Saya berpendapat dengan mengambil kira tafsiran bagi perkataan sales/selling yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Pendakwa Raya v.*

*Saari bin Jusoh (supra)* bagi melengkapi pertuduhan pengedaran sebenar melalui penjualan pihak pendakwaan hendaklah membuktikan wujudnya suatu penyerahan sebenar dadah daripada tertuduh 1, 2 dan 3 kepada SP1. Mahkamah Persekutuan telah menegaskan penjualan dikatakan lengkap apabila berlaku pemindahan/penyerahan apa-apa barang kepada pembeli walaupun pembayaran bagi harga barang masih belum dibuat. Mahkamah Persekutuan juga menegaskan suatu perbuatan sebagai persediaan untuk penjualan atau rundingan ke arah suatu penjualan atau pun persetujuan bagi penjualan tidak boleh ditafsirkan sebagai penjualan.

**[41]** Daripada petikan keterangan SP1, dapat dilihat Cannabis tersebut masih berada di dalam kereta Proton Saga dan belum diserahkan oleh tertuduh 1, 2 dan 3 kepada SP1. Melalui keterangan SP2 juga adalah jelas Cannabis tersebut masih berada dalam boot kereta Proton Saga pada masa tertuduh 1 ditangkap SP2. Fakta kes pendakwaan menunjukkan dadah yang dikatakan dijual oleh tertuduh 1, 2 dan 3 masih belum diterima oleh SP1 selaku pembeli atau belum lagi terdapat tindakan di pihak tertuduh 1, 2 dan 3 untuk menyerahkan Cannabis tersebut kepada SP1 bagi melengkapkan transaksi penjualan.

**[42]** Pendakwaan mendakwa tertuduh 1, 2 dan 3 mengedar dadah Cannabis seberat 12,130 gram melalui suatu sale (penjualan). Suatu fakta yang jelas ialah transaksi atau penjualan di antara tertuduh 1, 2 dan 3 kepada SP1 tidak disempurnakan ekoran tiada penyerahan sebenar Cannabis kepada SP1. Daripada keterangan SP1 dan SP2 nampaknya transaksi penjualan Cannabis meragukan dan telah terputus dan tidak disempurnakan akibat penangkapan awal tertuduh 1, 2 dan 3 oleh pasukan SP2. Oleh kerana wujudnya kelompangan dan keraguan dalam rantaian transaksi jual beli yang tidak disempurnakan akibat penangkapan awal tertuduh 1, 2 dan 3 saya percaya intipati penjualan telah gagal dibuktikan oleh pendakwaan secara *prima facie*.

**[43]** Tanpa transaksi jual beli dadah Cannabis disempurnakan sebagaimana yang dijanjikan, maka rantaian keterangan jual beli dadah telah terputus dan meragukan. Oleh yang demikian pengedaran dadah melalui penjualan secara terus kepada SP1 tidak dapat dibuktikan terhadap tertuduh 1, 2 dan 3 pada tahap *prima facie*. Penangkapan awal tertuduh 1, 2 dan 3 ialah pramasa dan terlalu awal. Berdasarkan ini saya berpuashati pendakwaan telah

gagal membuktikan satu kes *prima facie* bagi wujudnya pengedaran sebenar dadah jenis Cannabis secara penjualan sebagaimana ditakrifkan dalam s. 2 terhadap tertuduh 1, 2 dan 3.

**[44]** Seperkara lagi dalam keadaan pendakwaan mempremiskan kesnya terhadap tertuduh 1, 2 dan 3 bagi pengedaran sebenar melalui penjualan adakah perlu bagi pendakwaan membuktikan atau mementingkan aspek pemilikan, jagaan dan kawalan. Isu ini telah dijawab oleh YAA Chong Siew Fai Hakim Besar dalam kes *Pendakwa Raya v. Mansor Md Rashid & Anor* [1997] 1 CLJ 233 seperti berikut:

> Having regard to the evidence in this case, it is our view that the learned trial judge was unduly concerned with exclusivity of possession of room 'K' and the custody and control of Cannabis in question in relation to Amran. It is essential to bear in mind that the case of the prosecution was not based on custody and control thereby invoking the presumption of possession of 200 grams or more Cannabis thereby attracting the presumption of trafficking under section 37(d) or (da) (iv) of the Act. The prosecution founded its case on trafficking on the 'sale' of Cannabis to PW9, the AP.

**[45]** Keterangan saksi-saksi pendakwaan khususnya SP1 dan SP2 telah saya pertimbangkan untuk melihat sama ada intipati pengedaran sebenar dadah melalui transkasi penjualan sebagaimana yang ditakrifkan dalam s. 2 ADB 1952 berjaya dibuktikan secara *prima facie* oleh pendakwaan. Daripada keterangan SP1 dan SP2 jelas tidak terdapat keterangan menunjukkan berlakunya suatu transaksi jual beli yang sempurna di antara SP1 dengan tertuduh 1, 2 dan 3. Selaras dengan ini saya berpuashati pihak pendakwaan telah gagal membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh 1, 2 dan 3 bagi suatu kesalahan pengedaran sebenar melalui penjualan sebagaimana dipertuduhkan terhadap tertuduh 1, 2 dan 3.

## Sama Ada Anggapan Pemilikan Di Bawah s. 37(d) ADB Terpakai

*Terhadap Tertuduh 1*

**[46]** SP2, SP4, SP5 dan SP8 telah menyatakan kereta Proton Saga yang dipandu tertuduh 1 dilihat mereka mengekori kereta Mitsubishi bergerak keluar dari Hentian R&R KL membuat pusingan U setelah melepasi Tol Jalan Duta dan kembali ke

A Hentian R&R Ipoh. Kereta Proton Saga tersebut berhenti di tempat letak kereta di hadapan tandas. SP2 melihat tertuduh 1 keluar dan SP2 terus menyerbu dan menangkap tertuduh 1. Cannabis tersebut diperoleh SP2 daripada dalam tempat letak kereta di belakang boot kereta Proton Saga tersebut. Dadah B tersebut diperoleh SP2 setelah boot kereta dibuka SP2 dengan menggunakan kunci yang dirampas dari poket kanan seluar tertuduh.

**[47]** Persoalannya dapatkah anggapan di bawah s. 37(d) ADB C digunakan dalam keadaan fakta kes ini. Adakah kereta Proton Saga tersebut dapat ditakrifkan sebagai anything whatsoever (apa-apa sahaja) bagi boleh membangkitkan anggapan pemilikan di bawah seksyen itu. Mahkamah Persekutuan dalam kes *Syed Ali Syed Abdul Hamid & Anor v. PP* [1982] CLJ 188; [1982] CLJ (Rep) 340 D telah menyatakan anggapan di bawah s. 37 (d) ADB tidak terpakai sebab kereta daripada mana dadah itu dijumpai tidak boleh disifatkan sebagai anything whatsoever. Selanjutnya Mahkamah Persekutuan menyatakan skop dan pemakaian perkataan itu terbatas oleh perkataan yang mengandungi (containing) yang E menerangkannya sebagaimana yang dimaksudkan dalam seksyen itu. Dalam kes *Pendakwa Raya v. Lin Lian Chen* [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285 Mahkamah Persekutuan telah bersetuju dengan proposisi yang dibuat dalam kes *Tong Peng Hong v. Pendakwa Raya* [1955] 1 LNS 165 di mana dinyatakan:

F

> a vehicle in which a drug is carried does not ipso facto fall within the words "anything whatsover containing any dangerous drugs" and therefore in such a case, the presumption in s. 37(d) does not arise.

G **[48]** Oleh yang demikian pihak pendakwaan tidak dapat bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(d) ADB bagi membuktikan intipati pemilikan dadah terhadap tertuduh 1.

*Terhadap Tertuduh 2 dan 3*

H **[49]** Bagi tertuduh 2 dan 3 keterangan yang dikemukakan menunjukkan pada masa yang material tertuduh 2 dan 3 tidak berada dalam kereta Proton Saga yang dipandu oleh tertuduh 1 di mana Cannabis tersebut dijumpai tetapi tertuduh 2 dan 3 menaiki kereta yang berasingan iaitu Mitsubishi. Keterangan menunjukkan I dadah tersebut tidak ditemui pada badan tertuduh 2 dan 3 atau

di dalam kereta Mitsubishi. Adalah jelas keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan tidak dapat mengaitkan tertuduh 2 dan 3 pada kereta Proton Saga. Jelas di sini intipati pemilikan terhadap tertuduh 2 dan 3 juga telah gagal dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

**Pembuktian Pemilikan Sebenar, Kawalan Dan Penjagaan**

*Terhadap Tertuduh 1*

**[50]** Bagi membuktikan pemilikan sebenar intipati penting pertuduhan yang perlu dibuktikan oleh pendakwaan ialah:

(i) OKT memiliki secara fizikal dadah seperti yang dipertuduhkan;

(ii) Dadah yang berada dalam milikan fizikal OKT ialah dadah berbahaya sebagaimana yang ditakrifkan dalam s. 2 ADB 1952; dan

(iii) OKT mengedar dadah tersebut.

**[51]** Terdapat banyak keputusan-keputusan mahkamah berhubung dengan takrifan dan maksud milikan sebenar atau milikan fizikal.

**[52]** Maksud 'pemilikan' telah diperjelaskan oleh Thomson J dalam kes *Chan Pean Leon v. PP* [1956] 1 LNS 17 yang dipetik oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Basil Omar v. PP* [2002] 4 CLJ 418 seperti berikut:

> To put it otherwise, there is physical element and mental element which must be present before possession is made out. The accused must not only be so situated that he can deal with the thing as if it belonged to him, for example have it in his pocket or have it lying in front of him on the table. It must be shown that he had the intention of dealing with it as if it belonged to him should he see any occasion to do so, or in other words, that he had some animus possidendi. Intention is a matter of fact which in the nature of things cannot be proved by direct evidence. It can only be proved by inference from the surrounding circumstances. Whether these surrounding circumstances make out such intention is a question of fact in each individual case.

**[53]** Dalam kes *Saad bin Ibrahim v. Public Prosecutor* [1967] 1 LNS 154 Hakim Yong telah menyatakan:

A In my opinion mere possession is one thing and possession with *mens rea* is another. Possession which incriminates must have certain characteristics. The possessor must be aware of his possession, must know the nature of thing possessed and must have the power of disposal over it. Without these characteristics possession raises no presumption of *mens rea*. Without *mens rea* possession cannot be criminal except in certain cases created by statute, which is not applicable in this case.

**[54]** Dalam kes *Lee Kwan Woh v. PP* [2008] 4 CLJ 133 Mahkamah Rayuan telah memutuskan seperti berikut:

C It is our respectful view that the learned trial judge finding on the accused's knowledge of the cannabis was not solely on the inference that the accused had tried to escape when confronted by the police. It was also based on the factual background of his arrest. This is how the learned judge addressed the issue:

D As regards the accused's knowledge, this can only be inferred from the factual background of his arrest. As stated by Lim Beng Choo, J in *PP v. Badrulsham bin Baharom* [1987] 1 LNS; [1988] MLJ 585:

E Putting it shortly, in order to arrive at a finding of knowledge the court will have to consider the totality of evidence, including any explanation or denial by the accused on his conduct on the occasion in question.

F And as stated in *Chan Pean Leong v. PP* [1956] 1 LNS; [1956] MLJ 237 referred to the learned judge in *Badrulsham*:

Intention is a matter of fact which in the nature of things cannot be proved by direct evidence. It can only be proved by inference from surrounding circumstances.

G As said earlier, the plastic bag held by the accused upon his arrest, was an open one and cannabis was its only content. This situation brings to mind the remarks by Thompson J in *Tong Peng Hong v. PP* [1955] 1 LNS 165; [1955] 21 MLJ 233:

H The fact taken together with the conduct of the accused of trying to escape when confronted by the police can only bring to one logical and inescapable inference that the accused knew that he was carrying in the plastic bag was something forbidden by law, in this case cannabis. (penekanan oleh saya).

I

**[55]** Dalam kes *Parlan Dadeh v. PP* [2009] 1 CLJ 717 Hakim Mahkamah Persekutuan YA Augustine Paul menyatakan:

> Proof of knowledge is often a matter of inference which varies from case to case. It would be sufficient for the prosecution to prove facts from which could properly be inferred that the accused had the necessary knowledge.

**[56]** Kesimpulan yang dapat dibuat daripada kes-kes yang saya gariskan terdahulu daripada ini, bagi membuktikan pertuduhan terhadap tertuduh 1, pendakwaan tidak hanya dikehendaki terlebih dahulu membuktikan bahawa OKT mempunyai milikan fizikal atau milikan sebenar dadah tersebut tetapi juga fakta OKT mempunyai pengetahuan (*mens rea* possession) bahawa Cannabis tersebut yang berada dalam boot kereta Proton Saga dadah berbahaya seperti yang ditakrifkan oleh ADB.

**[57]** Selanjutnya adakah pendakwaan berjaya membuktikan *mens rea* possession terhadap tertuduh 1 berdasarkan keterangan yang ada?

**[58]** Sepertimana yang telah diputuskan dalam kes *Lee Kwan Woh v. PP* [2008] 4 CLJ 133; [2009] 1 LNS 778 bahawa sama ada tertuduh 1 mempunyai pengetahuan sama ada eks. P50 dan eks. P51 di dalam boot mengandungi Cannabis boleh dibuat inferens dari fakta kes bersekali dengan tingkah laku tertuduh 1 sebelum dan pada masa tangkapan dibuat. Dinyatakan oleh Hakim Augustine Paul dalam kes tersebut:

> This fact taken together with the conduct of the accused of trying to escape when confronted by the police can only bring this court to one logical and in escapable inference that the accused knew that what he was carrying in the plastic bag was something forbidden by law, in this case cannabis.

**[59]** Dalam kes ini tertuduh 1 dikatakan mempunyai kawalan dan penjagaan ke atas kereta Proton Saga itu pada tetapi keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan khususnya SP3 menunjukkan pada masa material kereta Proton Saga bukanlah milik tertuduh 1. Melalui SP3, seorang saksi awam yang dipanggil oleh pihak pendakwaan kereta Proton Saga disewa oleh SP3 daripada seorang perempuan yang dikatakan bernama Ani untuk membawa teman wanitanya makan angin dan kemudiannya kereta tersebut dipinjamkan SP3 kepada seorang lelaki bernama Fauzi

A iaitu suami kepada seorang perempuan yang tinggal sekampung dengan SP3. SP3 juga menyatakan Fauzi atau yang juga dikenali sebagai Balak meminjam kereta tersebut untuk membawa kawannya pergi ke Kuala Lumpur. Tidak terdapat bukti SP3 menyewa kereta tersebut daripada Ani dan bilakah kereta tersebut dipinjamkan pula
B kepada seorang yang bernama Fauzi. SP3 sendiri telah mengesahkan pada masa Fauzi datang untuk meminjamkan kereta tersebut tertuduh 1, 2 dan 3 tidak ada bersama-sama dengan Fauzi. SP3 dalam keterangannya menyatakan hanya Fauzi yang datang berjumpa dengannya dan bukan tertuduh 1, 2 atau 3.
C Pendakwaan juga gagal membuktikan hanya tertuduh 1 mempunyai kawalan dan penjagaan ke atas kereta tersebut. SP9 juga mengesahkan tidak terdapat apa-apa barang peribadi milik tertuduh 1 dalam kenderaan tersebut bagi mengaitkan tertuduh 1 dengan pemilikan, kawalan dan penjagaan ke atas kereta tersebut.

D

**[60]** Dalam keadaan fakta kes sebegini di mana terdapat banyak kelompangan dalam kes pendakwaan, pada pandangan mahkamah, Ani, jika benar merupakan tuan punya sebenar kereta Proton Saga itu dan Fauzi atau dikenali dengan 'Balak' lelaki, yang kepadanya
E kereta itu dipinjamkan oleh SP3 merupakan saksi-saksi penting yang dapat menutup kelompangan yang wujud dalam kes pendakwaan. Saksi-saksi ini dapat memberi penjelasan berhubung siapa yang mempunyai kawalan dan penjagaan terhadap kenderaan tersebut sebelum dan pada setiap masa yang material. Keterangan
F ini dapat memastikan rangkaian keterangan yang hendak dikemukakan oleh pendakwaan tidak terputus khususnya berhubung dengan kewujudan eks. P50 dan P51 dan kandungan masing-masing, bila sebenarnya eks. P50 dan P51 tersebut berada dalam kereta tersebut, berapa lama kereta tersebut berada dalam
G kawalan dan penjagaan tertuduh 1 sebelum tertuduh 1 ditangkap oleh SP2. Isu tentang tempoh masa tertuduh 1 mengendalikan kereta tersebut merupakan suatu faktor penting yang hendak dibuktikan oleh pendakwaan (Lihat kes *Pendakwa Raya v. Lin Lian Chen* [1992] 4 CLJ 2086; [1992] 1 CLJ (Rep) 285).

H

**[61]** Dalam kes *Pendakwa Raya v. Nordin* [2001] 1 AMR 855 umpamanya, tertuduh didapati memandu sebuah van yang di dalamnya dadah ditemui tersembunyi di bawah lantai kereta berlapik permaidani yang tidak boleh dilihat dengan mata kasar.
I Van tersebut pada asalnya telah didaftarkan atas nama seorang yang bernama Rajamohan dan seorang yang bernama Mohd Yusoff

Ismail yang dikatakan telah menjual van tersebut kepada tertuduh. Pihak pendakwaan telah gagal memanggil Mohd Yusoff sebagai saksi. YA Hakim dalam kes ini telah menyatakan:

> I must say with the greatest respect to the prosecution that by their failure to call Mohd Yusoff or even offer him to the defence as a witness they have failed to show exclusive custody and control on the part of the accused. The absence of Mohd Yusoff in the prosecution's case has left many questions unanswered.
>
> Therefore I must say with respect that the prosecution had failed to discharge the onus encumber upon them to exclude the possibility of another person having access to the said van. The other person could have been none other than Mohd Yusof who could have been responsible for the said impugned drugs. As mentioned earlier, the onus is not on the defence to prove possibility of access by others but on the prosecution to exclude such possibility.

**[62]** Selanjutnya Mahkamah Tinggi dalam kes *Pendakwa Raya v. Nordin (supra)* telah membangkitkan anggapan bertentangan menurut s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap pendakwaan di atas kegagalan statutorinya untuk memanggil Mohd Yusoff sebagai saksi. Di ms 861 YA Hakim menyatakan:

> Considering that this is a capital offence and Mohd Yusof is an important witness, as admitted by the Investigating Officer (PW10) there was really no serious attempt made by the prosecution to secure his attendance in court. To borrow the words of Abdul Hamid Omar LP (as he then was) in *Pang Chee Meng v. Public Prosecutor* [1992] 1 MLJ 137:
>
> The accused cannot be penalized for lack of ingenuity in police investigations depriving him of the time honoured benefit of doubt.

**[63]** Adalah menjadi tugas pendakwaan untuk menyempurnakan beban yang dikenakan oleh undang-undang terhadapnya bagi mengecualikan kemungkinan terdapat orang lain yang mempunyai akses kepada kenderaan tersebut. Pihak pendakwaan juga hendaklah menunjukkan bahawa mereka telah mengambil langkah-langkah yang bersungguh-sungguh untuk mengesan dan mengemukakan Ani dan juga Fauzi di mahkamah bagi menutup kelompangan yang wujud dalam kes pendakwaan. Dalam kes ini pihak pendakwaan tidak langsung menunjukkan usaha yang bersungguh-sungguh telah dilaksanakan bagi mengesan saksi-saksi ini dan atau apa-apa percubaan dibuat untuk mengemukakan apa-

apa pernyataan yang dibuat mereka di bawah s. 112 KTJ menurut s. 32 Akta Keterangan 1950. (Lihat kes; *Public Prosecutor v. Lam Peng Hoa & Anor* [1996] 3 CLJ 747; *Public Prosecutor v. Mohd Fairus Omar* [1997] 3 CLJ 260).

**[64]** Berdasarkan penilaian maksima ke atas keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan pada tahap penutupan kes pendakwaan terdapat persoalan-persoalan yang masih belum dijawab oleh pihak pendakwaan:

- Sama ada kereta Proton Saga sebenarnya dimiliki oleh Ani dan disewa kepada SP3.
- Sama ada terdapat keterangan berapa lama tertuduh 1 mempunyai kawalan dan penjagaan ke atas kereta Proton Saga itu.
- Siapa yang meletakkan eks. P50 dan eks. P51 beserta kandungannya ke dalam boot kereta Proton Saga itu.
- Siapa dia Fauzi atau yang dikenali dengan Balak dan pertaliannya dengan tertuduh 1 yang ditangkap.
- Pertalian di antara tertuduh 1 dengan tertuduh 2 dan 3.
- Sama ada SP3 juga terlibat kerana terdapat persoalan mengapa kereta yang dikatakan disewa olehnya untuk membawa teman wanitanya makan angin boleh berada dengan tertuduh 1.

**[65]** Memandangkan pihak pendakwaan tidak dapat bergantung kepada anggapan di bawah s. 37(d) ADB bagi membuktikan anggapan pemilikan, pihak pendakwaan terpaksa bergantung kepada keterangan ikut keadaan bagi membuktikan tertuduh mempunyai jagaan dan kawalan ke atas dadah Cannabis tersebut. Jika pendakwaan bergantung kepada keterangan ikut keadaan beban yang dikenakan oleh undang-undang amat berat sekali iaitu keterangan yang ada hendaklah menunjukkan secara irresistibly hanya kepada tertuduh 1, 2 dan 3. Seandainya terdapat kelompangan maka keterangan yang dikemukakan ini tidak cukup bagi mencapai piawaian yang dikehendaki oleh undang-undang iaitu pada tahap *prima facie*.

**[66]** Dalam kes ini pendakwaan telah gagal membuktikan tertuduh 1 mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang terdapat dalam boot kereta.

**[67]** Suatu fakta yang tidak dapat dinafikan ialah pendakwaan mempunyai budi bicara yang luas untuk menentukan bilangan saksi dan siapakah saksi yang hendak dipanggil bagi membuktikan intipati pertuduhan terhadap tertuduh 1. Berhubung dengan ini dalam kes *Ti Chuee Hiang v. Pendakwa Raya* [1995] 3 CLJ 1 Mahkamah Agung menyatakan:

> Having said that, it is in our view clear that the prosecution has a complete discretion to the choice of witnesses to be called at the trial ... the most basic limitation upon prosecutorial discretion in the presentation of a case is that it also has a duty to call all of the necessary witnesses to establish proof against the accused beyond reasonable doubt and if in the exercise of its discretion it fails to fulfill this obligation which is nothing less than a statutory duty – the accused must be acquitted.

**[68]** Selanjutnya dalam kes *Abdullah Zawawi Omar v. Pendakwa Raya* [1985] 2 CLJ 2; [1985] CLJ (Rep) 19 diputuskan:

> Although the prosecution has the right not to call every witness from whom a police statement has been taken, the question is how far does that right extend?
>
> The practise of making available a witness or witnesses from whom statement have been taken is to prevent the defence from commenting upon the honesty of the prosecution and thus in invoking the often-quoted presumption of adverse inference under section 114(g) of the Evidence Act 1950. But where the evidence falls short of proving a prima facie case at the end of its case, the right to call or not such witness/witnesses and to make them available to the defence will be no avail. If the doubt consists of the gap arising out of the matters edumberated earlier, the prosecution must close this gap. It is not for the defence to call the offered witness/witnesses to supplement the prosecution's case.

**[69]** Secara ringkasnya saya mendapati kegagalan pihak Pendakwaan mengemukakan Ani dan Fauzi telah memudaratkan kes pendakwaan dan membuka ruang pada anggapan yang bertentangan menurut s. 114(g) Akta Keterangan 1950 dibuat terhadap pendakwaan. Pendakwaan juga telah gagal mengemukakan laporan polis yang dibuat SP2 dan juga Borang Pemeriksaan Barang Kes menurut s. 64 KTJ bagi menyokong versi pendakwaan.

A **Tugas Mahkamah Di Akhir Kes Pendakwaan**

**[70]** Tugas mahkamah pada tahap akhir kes pendakwaan ialah untuk memutuskan sama ada berdasarkan keterangan yang dikemukakan setakat penutupan kes pendakwaan, pihak
B pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh 1, 2 dan 3. Satu kes *prima facie* dikatakan telah berjaya diasaskan apabila wujud keterangan yang memihak kepada pendakwaan yang cukup kukuh bagi tertuduh 1, 2 dan 3 menjawabnya. Ini tidaklah bermakna pendakwaan perlu
C membuktikan kesnya tanpa keraguan yang munasabah tetapi pihak pendakwaan hendaklah membuktikan setiap intipati penting pertuduhan dengan keterangan yang kredibel dan boleh dipercayai yang telah ditapis melalui proses penilaian yang positif. Seperkara lagi pihak pendakwaan hendaklah memastikan tidak terdapat
D kelompangan (material gaps) dalam kesnya yang membolehkan mahkamah membuat lebih daripada satu inferens. Dalam situasi terdapat lebih daripada satu inferens, inferens yang memihak kepada tertuduh hendaklah dibuat oleh mahkamah.

E **[71]** Apa sebenarnya yang dimaksudkan dengan suatu kes *prima facie* telah dihuraikan dengan jelas oleh YA Hakim Suraya Othman dalam kes *PP v. Tan Sri Kasitah Gaddam* [2009] 1 LNS 741; [2009] 6 MLJ 494 di ms 495:

> A *prima facie* case arises when the evidence in favour of a party
F is sufficiently strong for the opposing party to be called on to answer. A maximum evaluation of the credibility of every prosecution witnesses must be done at the close of the prosecution before the court can rule that a *prima facie* case has been made out in order to call for the defence. A maximum
G evaluation of the prosecution's case does not mean that the prosecution must prove its case beyond a reasonable doubt at that stage. What it means is that the prosecution must prove each and every essential ingredients of the offence by credible and reliable evidence which has been filtered and sieved through the positive process of evaluation. There should not be any material gaps in
H the evidence then the inference that is most favourable to the accused shall be drawn.

**[72]** Dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734 YA Gopal Sri Ram HMR telah memperjelaskan tugas seorang
I hakim bicara pada tahap penutupan kes pendakwaan seperti yang berikut:

> ... a judge sitting alone under section 180 of the CPC must subject the prosecution evidence to maximum evaluation and to ask himself the question 'If I decide to call upon the accused to enter his defence and if he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case?' If the answer was in the negative, then no *prima facie* case had been made out and the accused would be entitled to an acquittal.

**[73]** Proposisi yang dibuat oleh YA Gopal Sri Ram HMR dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v. Public Prosecutor (supra)* telah diterimapakai dan disahkan dalam dua kes Mahkamah Persekutuan iaitu *Balachandran v. Pendakwa Raya* [2005] 1 CLJ 85 and *Pendakwa Raya v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457.

**[74]** Dengan berpandukan kepada peruntukan s. 180 Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) juga undang-undang kes yang mantap yang saya telah huraikan terdahulu daripada ini, saya dikehendaki undang-undang untuk menjalankan suatu proses penilaian keterangan secara maksima ke atas keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan bagi menentukan sama ada suatu kes *prima facie* telah berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

**Kesimpulan**

**[75]** Berdasarkan kepada perkara-perkara yang telah saya bincangkan terdahulu daripada ini saya berpuas hati pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh 1, 2 dan 3 dan saya dengan ini melepaskan tertuduh 1, 2 dan 3 tanpa memanggil mereka untuk membuat pembelaan.